



22 Disember 2023
22 December 2023
P.U. (A) 390

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(PENDAFTARAN PEMBEKAL) 2023

*WATER SERVICES INDUSTRY
(REGISTRATION OF SUPPLIER) RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PENDAFTARAN PEMBEKAL) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 180(m) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Pendaftaran Pembekal) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"badan penilai" ertinya badan pensijilan, pemegang lesen individu, orang yang diberi kuasa, organisasi, badan atau makmal ujian yang diiktiraf oleh Suruhanjaya untuk menjalankan penilaian pematuhan dan mengeluarkan laporan penilaian pematuhan;

"badan pensijilan" ertinya suatu badan pensijilan kompeten yang diiktiraf oleh Suruhanjaya sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 10;

"pembekal" ertinya pengilang, pengimport atau pengedar sesuatu pemasangan, peranti atau kelengkapan, termasuk ejen atau wakil yang membekalkan atau mengedarkan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu kepada mana-mana pengguna, tetapi tidak termasuk peruncit;

"penilaian pematuhan" ertinya proses penilaian dan pengujian yang dijalankan bagi memastikan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu mematuhi standard yang diiktiraf;

"pihak berkuasa akreditasi" ertinya Ketua Pengarah Jabatan Standard sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Standard Malaysia 1996 [*Akta 549*];

"sijil pemasangan, peranti atau kelengkapan" ertinya sijil yang dikeluarkan oleh badan pensijilan untuk mengesahkan bahawa sesuatu pemasangan, peranti atau kelengkapan itu menepati standard yang diiktiraf;

"standard yang diiktiraf" ertinya standard yang diiktiraf oleh Suruhanjaya.

Kelayakan bagi pendaftaran

3. Seseorang itu layak untuk didaftarkan sebagai pembekal jika—

- (a) orang itu ialah suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia; dan
- (b) orang itu memenuhi kriteria yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa sebagai layak.

Pendaftaran

4. (1) Tiada seorang pun boleh membekalkan sesuatu pemasangan, peranti atau kelengkapan yang berhubungan dengan sistem bekalan air, sistem pembedungan, tangki septik, perpaipan pembedungan dalaman individu atau perpaipan pembedungan dalaman bersama di bawah Akta melainkan jika orang itu telah didaftarkan sebagai pembekal oleh Suruhanjaya.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Permohonan pendaftaran dan kelulusan, dsb.

5. (1) Mana-mana orang yang layak di bawah kaedah 3 boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk didaftarkan sebagai pembekal.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan maklumat dan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Seseorang pemohon hendaklah membuat permohonan yang berasingan bagi setiap pembekalan pemasangan, peranti atau kelengkapan yang hendak didaftarkan.

(4) Apabila menerima permohonan di bawah subkaedah (1), Suruhanjaya boleh, setelah mempertimbangkan permohonan itu—

(a) meluluskan permohonan itu tertakluk kepada apa-apa syarat; atau

(b) menolak permohonan itu dengan menyatakan alasan penolakan secara bertulis.

(5) Walau apa pun alasan penolakan yang dinyatakan oleh Suruhanjaya di bawah subkaedah (4), pemohon boleh mengemukakan permohonan yang baharu pada bila-bila masa selepas itu.

Sijil pendaftaran

6. (1) Suatu sijil pendaftaran hendaklah dikeluarkan oleh Suruhanjaya bagi setiap permohonan yang telah diluluskan di bawah perenggan 5(4)(a).

(2) Melainkan jika dibatalkan oleh Suruhanjaya di bawah kaedah 9, sijil pendaftaran itu sah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh pengeluarannya.

Pembaharuan sijil pendaftaran

7. (1) Pembekal berdaftar boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh tiga bulan sebelum sijil pendaftaran itu habis tempoh, mengemukakan suatu permohonan bagi pembaharuan sijil pendaftaran berserta dengan apa-apa maklumat atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya secara bertulis.

(2) Apabila menerima permohonan di bawah subkaedah (1), Suruhanjaya boleh, setelah mempertimbangkan permohonan itu—

- (a) meluluskan permohonan itu tertakluk kepada apa-apa perubahan, pembatalan atau penganan syarat tambahan; atau
- (b) menolak permohonan itu dengan menyatakan alasan penolakan secara bertulis.

Perubahan maklumat pembekal

8. (1) Pembekal hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis, dengan seberapa segera yang mungkin, tentang apa-apa perubahan pada butir-butir pembekal yang diserahkan dalam daftar.

(2) Sebaik selepas pemberitahuan daripada pembekal diterima, Suruhanjaya hendaklah mengemas kini butir-butir pembekal dalam daftar dan sijil pendaftaran.

Penggantungan atau pembatalan sijil pendaftaran

9. (1) Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis, menggantung atau membatalkan mana-mana sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini jika—

- (a) pembekal tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau perundangan subsidiarinya;
- (b) pembekal tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya menurut perenggan 5(4)(a);
- (c) Suruhanjaya menerima dan mengesahkan apa-apa aduan mengenai pembekal, pemasangan, peranti atau kelengkapan yang dibekalkan oleh pembekal;
- (d) Suruhanjaya berpuas hati bahawa sijil pendaftaran diperoleh secara fraud, salah atau tidak sah;

- (e)* apa-apa maklumat atau dokumen, sijil pemasangan, peranti atau kelengkapan, atau laporan penilaian pematuhan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya mengandungi kesilapan;
- (f)* sijil pemasangan, peranti atau kelengkapan telah digantung atau dibatalkan oleh badan pensijilan;
- (g)* laporan penilaian pematuhan telah digantung atau dibatalkan oleh badan penilai;
- (h)* pembekal telah berhenti menjalankan perniagaan yang dinyatakan dalam sijil pendaftaran;
- (i)* seorang penerima, penerima dan pengurus, pelikuidasi sementara atau pegawai yang sepertinya telah dilantik mengenai keseluruhan atau sebahagian besar aset pembekal dan pelantikan tersebut tidak dibatalkan atau dirungkaikan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu;
- (j)* pembekal diisytiharkan sebagai bankrap; atau
- (k)* telah berlaku apa-apa tindakan atau keingkaran pada pihak pembekal atau terdapat perubahan dalam hal keadaan sehingga pembekal tidak lagi layak untuk didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Sebelum Suruhanjaya membuat keputusan di bawah subkaedah (4), Suruhanjaya hendaklah memberikan—

- (a)* suatu notis bertulis kepada pembekal mengenai niat Suruhanjaya untuk menggantung atau membatalkan sijil pendaftaran itu; dan

(b) suatu peluang kepada pembekal untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pembekal.

(3) Suruhanjaya boleh, sementara menunggu keputusan berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan di bawah subkaedah (4), menghendaki pembekal memberhentikan sementara pembekalan pemasangan, peranti atau kelengkapan bermula dari tarikh pengeluaran notis di bawah perenggan (2)(a).

(4) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis di bawah perenggan (2)(a), Suruhanjaya hendaklah, setelah menimbangkan penghujahan bertulis yang dikemukakan oleh pembekal, memutuskan sama ada untuk menggantung sijil pendaftaran itu bagi suatu tempoh yang difikirkannya patut, untuk membatalkan sijil pendaftaran itu atau untuk tidak mengambil apa-apa tindakan yang selanjutnya.

(5) Keputusan Suruhanjaya di bawah subkaedah (4) dan apa-apa tempoh penggantungan, jika ada, hendaklah dimaklumkan kepada pembekal melalui notis secara bertulis.

(6) Penggantungan atau pembatalan sijil pendaftaran itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subkaedah (5).

(7) Jika sijil pendaftaran itu digantung, pembekal hendaklah sepanjang tempoh penggantungan itu—

(a) berhenti membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan mulai tarikh penggantungan sijil pendaftaran itu; dan

(b) mengalihkan atau menarik balik semua risalah, bahan dan iklan mengenai pemasangan, peranti atau kelengkapan yang dibekalkan oleh pembekal.

- (8) Jika sijil pendaftaran itu dibatalkan, pembekal hendaklah—
- (a) berhenti membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan mulai tarikh pembatalan sijil pendaftaran itu; dan
 - (b) mengalihkan atau menarik balik semua risalah, bahan dan iklan mengenai pemasangan, peranti atau kelengkapan yang dibekalkan oleh pembekal dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan sijil pendaftaran itu.

(9) Pembekal yang tidak mematuhi subkaedah (7) atau (8) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan boleh juga didenda tambahan tidak lebih daripada lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(10) Jika sijil pendaftaran digantung atau dibatalkan di bawah kaedah ini, pembekal tidak berhak untuk mendapatkan apa-apa bentuk pampasan atau ganti rugi daripada Suruhanjaya yang berbangkit daripada penggantungan atau pembatalan sijil pendaftarannya.

Badan pensijilan

10. (1) Badan pensijilan yang berikut diiktiraf oleh Suruhanjaya:
- (a) badan pensijilan tempatan yang diakreditasi oleh pihak berkuasa akreditasi;
 - (b) badan pensijilan antarabangsa—
 - (i) yang mempunyai tempat perniagaannya di negara selain dari Malaysia dan negara itu telah memasuki suatu perjanjian pengakuan timbal balik dengan Malaysia; dan

(ii) yang diiktiraf, didaftarkan atau dilesenkan oleh pihak berkuasa relevan di dalam negara yang badan pensijilan antarabangsa itu menjalankan perniagaannya; dan

(c) mana-mana organisasi yang diiktiraf oleh Suruhanjaya untuk menjalankan pensijilan bagi pemasangan, peranti atau kelengkapan.

(2) Suruhanjaya hendaklah berhenti mengiktiraf suatu badan pensijilan di bawah perenggan (1)(a) atau (b), jika akreditasi badan pensijilan tempatan itu atau pengiktirafan, pendaftaran atau lesen yang diberikan kepada badan pensijilan antarabangsa itu, dibatalkan oleh pihak berkuasa yang relevan.

Penyingkiran daripada daftar

11. (1) Nama dan maklumat pembekal hendaklah disingkirkan daripada daftar jika—

(a) pembekal tidak membaharui sijil pendaftaran itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam kaedah 7;

(b) Suruhanjaya membuat keputusan untuk tidak membaharui sijil pendaftaran itu; atau

(c) Suruhanjaya membuat keputusan untuk membatalkan sijil pendaftaran di bawah kaedah 9.

(2) Jika sijil pendaftaran itu disingkirkan daripada daftar di bawah perenggan 1(a) atau (b), pembekal hendaklah—

(a) berhenti membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan mulai tarikh penyingkiran dari daftar; dan

(b) mengalihkan atau menarik balik semua risalah, bahan dan iklan mengenai pemasangan, peranti atau kelengkapan yang dibekalkan

oleh pembekal dalam tempoh tujuh hari mulai tarikh penyingkiran dari daftar.

(3) Pembekal yang tidak mematuhi subkaedah (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Sijil pendaftaran tidak boleh diserahkan atau dipindahmilikkan

12. Sijil pendaftaran yang dikeluarkan kepada pembekal di bawah Kaedah-Kaedah ini tidak boleh diserahkan atau dipindahmilikkan kepada mana-mana orang.

Tanggungjawab pembekal

13. (1) Seseorang pembekal hendaklah—

- (a) membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan sepertimana yang telah diluluskan dalam sijil pendaftaran;
- (b) mematuhi peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta;
- (c) mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya menurut perenggan 5(4)(a);
- (d) memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dalam apa-apa format dan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (e) memastikan pemasangan, peranti atau kelengkapan yang dibekalkan mematuhi sepenuhnya standard yang diiktiraf dan

apa-apa standard lain yang dinilai melalui penilaian pematuhan, mengikut mana yang berkenaan, pada setiap masa;

- (f) memastikan tiada kemerosotan kualiti pemasangan, peranti atau kelengkapan yang dibekalkan; dan
- (g) mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(2) Pembekal yang tidak mematuhi subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pensampelan dan larangan pembekalan

14. (1) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa melalui notis secara bertulis, menghendaki pembekal untuk menyerahkan dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, sampel pemasangan, peranti atau kelengkapan yang dibekalkan, bagi tujuan pemeriksaan atau ujian.

(2) Jika apa-apa pemasangan, peranti atau kelengkapan itu pada pendapat Suruhanjaya tidak selamat, berbahaya atau mungkin menjadi tidak selamat atau berbahaya, atau tidak sesuai untuk kegunaan dan tujuannya, Suruhanjaya boleh melarang pembekalan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu dan mengarahkan pembekal, melalui notis bertulis atau apa-apa cara yang ditentukan, dalam tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk—

- (a) menarik balik pemasangan, peranti atau kelengkapan itu daripada digunakan atau dijual; atau
- (b) berhenti membekalkan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu.

(3) Jika pemasangan, peranti atau kelengkapan itu didapati cacat selepas pensijilan atau penilaian, Suruhanjaya boleh mengarahkan semua pemasangan, peranti atau kelengkapan yang cacat itu ditarik balik dan kos dan perbelanjaan penarikan balik itu hendaklah ditanggung oleh pembekal.

(4) Pembekal yang tidak mematuhi subkaedah (2) atau (3), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(5) Suruhanjaya tidak akan bertanggung bagi apa-apa kerugian, kos atau kerosakan yang disebabkan oleh tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah subkaedah (2) dan (3).

JADUAL

[Subkaedah 5(2)]

PENGEMUKAAN DOKUMEN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBEKAL

Seseorang pembekal yang memohon untuk didaftarkan sebagai pembekal hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

- (a) butir-butir pemohon;
- (b) sijil yang dikeluarkan oleh badan pensijilan berkenaan dengan pemasangan, peranti atau kelengkapan yang mempunyai tempoh sah selama tempoh tidak kurang daripada tiga bulan dari tarikh permohonan bagi pemasangan, peranti atau kelengkapan itu dengan standard yang diiktiraf;

- (c) laporan penilaian pematuhan yang dikeluarkan oleh badan penilai yang mempunyai tempoh sah laku tidak kurang daripada satu tahun sebelum tarikh tamat tempoh bagi pemasangan, peranti atau kelengkapan;
- (d) alamat semua premis yang digunakan oleh pemohon untuk menjalankan perniagaan yang berkenaan dengan pembekalan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu; dan
- (e) apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Dibuat 15 Disember 2023

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT.3/; PN(PU2)660/Jld. 18]

CHARLES ANTHONY SANTIAGO
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (REGISTRATION OF SUPPLIER) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 180(*m*) of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Commission makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Water Services Industry (Registration of Supplier) Rules 2023**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2024.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“assessment body” means a certification body, individual licensee, authorized person, organization, body or testing laboratory recognized by the Commission to carry out conformity assessment and to issue conformity assessment report;

“certification body” means a competent certification body recognized by the Commission as specified in rule 10;

“supplier” means a manufacturer, importer or distributor of an installation, a device or an equipment, including agent or representative that supply or distribute the installations, a device or an equipment to any consumer, but does not include a retailer;

“conformity assessment” means the process of evaluation and testing carried out for ensuring that an installation, a device or an equipment is in conformity with the recognized standard;

“accreditation authority” means the Director General of the Department of Standards as specified in the Standards of Malaysia Act 1996 [*Act 549*];

“installations, devices or equipment certificate” means certificate issued by a certification body to certify that an installation, a device or an equipment conforms the recognized standards;

“recognized standards” means the standards recognized by the Commission.

Eligibility for registration

3. A person is qualified to be registered as a supplier if—

(a) such person is a company incorporated in Malaysia; and

(b) such person fulfils the criteria determined by the Commission from time to time as being eligible.

Registration

4. (1) No person shall supply an installation, a device or an equipment relating to water supply system, sewerage system, septic tank, individual internal sewerage piping or common internal sewerage piping under the Act unless the person has been registered as a supplier by the Commission.

(2) A person who fails to comply with subrule (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Application of registration and approval, etc.

5. (1) Any person who is qualified under rule 3 may apply to the Commission to be registered as a supplier.

(2) An application under subrule (1) shall be accompanied with the information and documents as specified in the Schedule.

(3) An applicant shall made a separate application for each supply of installation, device or equipment sought to be registered.

(4) Upon receipt of the application under subrule (1), the Commission may, after considering the application—

(a) approve the application subject to any condition; or

(b) refuse the application by stating the grounds for refusal in writing.

(5) Notwithstanding the grounds for refusal stated by the Commission under subrule (4), the applicant may submit a new application at any time after that.

Certificate of registration

6. (1) A certificate of registration shall be issued by the Commission for each application approved under paragraph 5(4)(a).

(2) Unless revoked by the Commission under rule 9, the certificate of registration is valid for a period of three years from the date of its issuance.

Renewal of certificate of registration

7. (1) A registered supplier may, at any time within the period of three months before the expiration of the certificate of registration, submit an application for renewal of the certificate of registration together with any information or other documents required by the Commission in writing.

(2) Upon receipt of the application under subrule (1), the Commission may, after considering the application—

(a) approve the application subject to any change, cancellation or imposition of additional conditions; or

(b) refuse the application by stating the grounds for refusal in writing.

Change of supplier particulars

8. (1) The supplier shall notify the Commission in writing, as soon as possible, of any change to the particulars of the supplier lodged in the register.

(2) Immediately after receiving notification from the supplier, the Commission shall update the particulars of the supplier in the register and the certificate of registration.

Suspension or revocation of certificate of registration

9. (1) The Commission may, by written notice, suspend or cancel any certificate of registration issued under these Rules if—

- (a) the supplier has failed to comply with any provision of the Act or its subsidiary legislation;
- (b) the supplier has failed to comply with the conditions imposed by the Commission pursuant to paragraph 5(4)(a);
- (c) the Commission received and validate any complaints regarding the supplier, installations, devices or equipment supplied by the supplier;
- (d) the Commission is satisfied that the certificate of registration was fraudulently, improperly or illegally obtained;
- (e) any information or document, or installations, devices or equipment certificate, or conformity assessment report submitted to the Commission contains error;
- (f) the installations, devices or equipment certificate has been suspended or cancelled by the certification body;

- (g)* the conformity assessment report has been suspended or cancelled by the assessment body;
- (h)* the supplier has ceased to carry on the business specified in the certificate of registration;
- (i)* a receiver, receiver and manager, provisional liquidator or like official has been appointed over the whole or substantial part of the supplier's assets and such appointment is not revoked or annulled within a period of sixty days from the date of such appointment;
- (j)* the supplier is declared as a bankrupt; or
- (k)* there has been any act or default on the part of the supplier or there has been a change of circumstances such that the supplier would no longer be eligible to be registered under these Rules.

(2) Before the Commission makes a decision under subrule (4), the Commission shall give—

- (a)* a written notice to the supplier of the Commission's intention to suspend or cancel the certificate of registration; and
- (b)* an opportunity to the supplier to make written submission within a period specified in the written notice which shall not be less than fourteen days from the date on which the notice is served on the supplier.

(3) The Commission may, pending the decision in respect of suspension or cancellation under subrule (4), require the supplier to temporarily discontinue the supply of installations, devices or equipment from the date of the issuance of the notice under paragraph (2)(a).

(4) After the expiry of the period specified in the notice under paragraph (2)(a), the Commission shall, after considering the written submission submitted by the supplier, decide whether to suspend the certificate of registration for such period as the Commission thinks fit, to cancel the certificate of registration or not to take any further action.

(5) The decision of the Commission under subrule (4) and any period of suspension, if any, shall be informed to the supplier by written notice.

(6) Suspension or cancellation of the certificate of registration shall take effect from the date specified by the Commission in the written notice issued under subrule (5).

(7) Where the certificate of registration is suspended, the supplier shall throughout the suspension period—

(a) discontinue to supply installations, devices or equipment from the date of suspension of the certificate of registration; and

(b) remove or withdraw all pamphlets, materials and advertisements regarding the installations, devices or equipment supplied by the supplier.

(8) Where the certificate of registration is cancelled, the supplier shall—

(a) discontinue to supply installations, devices or equipment from the date of cancellation of the certificate of registration; and

(b) remove or withdraw all pamphlets, materials and advertisements regarding the installations, devices or equipment supplied by the supplier within seven days from the date of cancellation of the certificate of registration.

(9) A supplier who fails to comply subrule (7) or (8) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to

imprisonment for a term not exceeding six months or to both and also shall be liable to a further fine not exceeding fifty ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

(10) Where the certificate of registration is suspended or cancelled under this rule, the supplier is not entitled for any form of compensation or damages from the Commission arising from the suspension or cancellation of its certificate of registration.

Certification body

10. (1) The following certification bodies are recognized by the Commission:

- (a) local certification bodies accredited by the accreditation authority;
- (b) international certification bodies—
 - (i) that has its place of business in a country other than Malaysia and the country has entered into a mutual recognition agreement with Malaysia; and
 - (ii) that is recognized, registered or licensed by the relevant authority in the country in which the international certification body carries on its business; and
- (c) any organization recognized by the Commission to conduct certification for installations, devices or equipment.

(2) The Commission shall cease to recognize the certification body under paragraph 1(a) or (b), if the accreditation of the local certification body or the recognition, registration or licence granted to the international certification body, is revoked by the relevant authority.

Removal from register

11. (1) The name and particulars of the supplier shall be removed from the register if—

- (a) the supplier fails to renew the certificate of registration within the period specified in rule 7;
- (b) the Commission decided not to renew the certificate of registration; or
- (c) the Commission decided to cancel the certificate of registration under rule 9.

(2) Where the certificate of registration is removed from the register under paragraph 1(a) or (b), the supplier shall—

- (a) discontinue to supply installations, devices or equipment from the date of removal from the register; and
- (b) remove or withdraw all pamphlets, materials and advertisements regarding the installations, devices or equipment supplied by the supplier within seven days from the date of removal from the register.

(3) A supplier who fails to comply with subrule (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to an imprisonment for a term not exceeding six month or to both and also shall be liable to a further fine not exceeding fifty ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

Certificate of registration not to be assigned or transferred

12. A certificate of registration issued to the supplier under these Rules shall not be assigned or transferred to any person.

Obligations of supplier

13. (1) A supplier shall—

- (a) supply installations, devices or equipment as approved in the certificate of registration;
- (b) comply with the provisions of the Act and any subsidiary legislation made under the Act;
- (c) comply with the conditions imposed by the Commission pursuant to paragraph 5(4)(a);
- (d) provide any information required by the Commission in such format and within such period as determined by the Commission;
- (e) ensure installations, devices or equipment supplied comply wholly to the recognized standards and any other standards which has been assessed through conformity assessment, as the case may be, at all times;
- (f) ensure there is no deterioration of the quality of supplied installations, devices or equipment; and
- (g) comply with any direction issued by the Commission from time to time.

(2) A supplier who fails to comply with subrule (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to an imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Sample and prohibition of supply

14. (1) The Commission may, at any time by written notice, require the supplier to deliver within such time as may be specified in the notice, the sample of installations, devices or equipment supplied, for the purposes of examination or testing.

(2) Where any installation, device or equipment in the opinion of the Commission is unsafe, dangerous or is likely to become unsafe or dangerous, or unfit for its use and purpose, the Commission may prohibit the supply of the installation, device or equipment and direct the supplier, by written notice or in other manner as determined, within the period determined by the Commission to—

(a) withdraw the installations, devices or equipment from being used or sold; or

(b) discontinue to supply installations, devices or equipment.

(3) Where the installations, devices or equipment is found to be defective after its certification or assessment, the Commission may direct all defective installations, devices or equipment to be recalled and the cost and expenses of the recalling shall be borne by the supplier.

(4) A supplier who fails to comply with subrule (2) or (3), commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both and also shall be liable to a further fine not exceeding fifty ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

(5) The Commission shall not be liable for any loss, cost or damage due to the action taken by the Commission under subrules (2) and (3).

SCHEDULE

[Subrule 5(2)]

SUBMISSION OF DOCUMENT FOR REGISTRATION AS SUPPLIER

A supplier applying to register as a supplier shall submit to the Commission—

- (a) the particulars of the applicant;
- (b) certificate issued by the certification body regarding installations, devices or equipment that is valid for a period of not less than three months from the date of application for installations, devices or equipment with the recognized standard;
- (c) conformity assessment report issued by the assessment body for a period of not less than one year before the expiration period for installations, devices or equipment;
- (d) the address of all premises used by the applicant to carry on business related to the supply of installations, devices or equipment; and
- (e) any information or documents required by the Commission from time to time.

Made 15 December 2023

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT.3/; PN(PU2)660/]ld. 18]

CHARLES ANTHONY SANTIAGO
Chairman Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara